



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN RABU, 7 MEI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



7/5/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	19 MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA TIAP HARI MEMBIMBANGKAN		NEGATIF
	https://www.malaysiakini.com/news/742380	MALAYSIAKINI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	PENANTIAN 5 TAHUN BERAKHIR, REMAJA OKU AKHIRNYA TERIMA MYKAD		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/05/1215615/penantian-5-tahun-berakhir-remaja-oku-akhirnya-terima-mykad	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	'KAMI TAK MAMPU BELI KAKI PALSU AYAH'		NEUTRAL
	https://www.kosmo.com.my/2025/05/06/kami-tak-mampu-beli-kaki-palsu-ayah/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	MURID MAUT TERTINGGAL DALAM VAN SEKOLAH, PEMANDU DIDAKWA ESOK		NEUTRAL
	https://www.buletintv3.my/nasional/murid-maut-tertinggal-dalam-van-sekolah-pemandu-didakwa-esok/	BULETINTV3.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemandu-didakwa-esok-kes-kematian-murid-tadika-tertinggal-dalam-van-sekolah-519648	ASTROAWANI.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/05/06/budak-maut-dalam-van-sekolah-pemandu-didakwa-esok/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/05/1215633/murid-maut-dalam-van-pemandu-didakwa-esok	HMETRO.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/05/06/insiden-van-sekolah-pemandu-tertinggal-budak-5-tahun-hingga-mati-didakwa-esok/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/726974/berita/semasa/pemandu-van-sekolah-sebabkan-kanak-kanak-maut-akan-didakwa-esok	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



7/5/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	BAYI 2 BULAN PARAH DISYAKI DIDERA IBU DAN BAPA KANDUNG		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/05/06/bayi-2-bulan-parah-disyaki-didera-ibu-dan-bapa-kandung/	KOSMO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/05/06/polis-melaka-sahkan-laporan-bayi-parah-disyaki-didera-ibu/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/05/06/bayi-2-bulan-kritikal-didera-ibu-bapa-diberkas	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/05/06/bayi-dua-bulan-alami-endarahan-dalam-kepala-disyaki-didera-ibu/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/05/1215776/pasangan-suami-isteri-disyaki-dera-bayi-dua-bulan-ditahan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/05/bayi-dua-bulan-parah-disyaki-didera-ibu-sendiri/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/727044/berita/semasa/bayi-dua-bulan-parah-disyaki-didera-ibu	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/05/1393001/suami-isteri-disyaki-dera-anak-kandung-berusia-dua-bulan-ditahan-polis	BHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/05/06/dera-anak-suami-turut-ditahan/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	LELAKI MAHU KE MASJID TERKEJUT JUMPA BAYI BERTALI PUSAT		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/lelaki-mahu-ke-masjid-terkejut-jumpa-bayi-bertali-pusat/	BULETINTV3.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/05/bayi-lelaki-ditemukan-dihurung-semut/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/05/06/bayi-bertali-pusat-dihurung-semut-atas-tangga/	KOSMO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/05/06/warga-emas-mahu-ke-masjid-terkejut-jumpa-bayi-dihurung-semut-depan-rumah/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/727027/berita/semasa/warga-emas-terkejut-jumpa-bayi-dalam-keadaan-kotor-dihurung-semut	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



7/5/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	BEREBUT TEMPAT MINTA SEDEKAH, LELAKI OKU DIDAKWA MEMBUNUH		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/05/1215564/berebut-tempat-minta-sedekah-lelaki-oku-didakwa-membunuh	HMETRO.COM.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/05/06/lelaki-oku-didakwa-bunuh-peminta-sedekah	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/05/1392822/rebut-tempat-minta-sedekah-lelaki-oku-didakwa-membunuh	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/05/06/lelaki-oku-didakwa-bunuh-pengemis/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=QqclRgB0wp4	YOUTUBE	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/berebut-port-minta-sedekah-lelaki-oku-didakwa-membunuh/	BULETINTV3.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/726977/berita/semasa/lelaki-oku-didakwa-bunuh-peminta-sedekah	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/05/06/lelaki-oku-bunuh-pengemis-didakwa-secara-tertutup-di-hsa-hari-ini/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	PESAWAH MENGAKU BERSALAH CABUL ANAK PEREMPUAN		NEGATIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/05/06/pesawah-mengaku-bersalah-cabul-anak-perempuan	UTUSANBORNEO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



INFORMASI DARI NEGARA LUAR



Topik: UNICEF Seru Tindakan Segera Lindungi Hak Kanak-Kanak Di Tengah Krisis Iklim Dan Digital

[\[LINK\]](#)

PUTRAJAYA, 6 Mei (Bernama) - Di beberapa bahagian Asia Timur dan Pasifik, pengalaman zaman kanak-kanak kini berubah dalam cara yang seharusnya mencabar setiap pembuat dasar.

Jika sebelum ini cabaran utama mereka adalah bilik darjah sesak atau kekurangan akses kepada air bersih, ancaman hari ini jauh lebih kompleks - bencana iklim melanda berkali-kali setahun, buruh kanak-kanak masih berlaku akibat ketidakpastian ekonomi dan ruang digital kini menjadi medan bahaya baharu.

Namun di sebalik cabaran ini, terdapat contoh kukuh kepimpinan negara.

Malaysia, misalnya muncul sebagai rujukan serantau dalam temu bual eksklusif bersama Perkhidmatan Berita Antarabangsa Bernama baru-baru ini, Pengarah Wilayah UNICEF bagi Asia Timur dan Pasifik, June Kunugi berkata rantau ini sedang menyaksikan "pertembungan krisis" yang menuntut tindakan kolektif dan segera, sambil menekankan bahawa Malaysia membuktikan apa yang boleh dicapai melalui kemahuan politik dan perancangan inklusif.

Beliau memuji Malaysia kerana menggubal undang-undang yang mengharamkan penyalahgunaan seksual kanak-kanak secara siaran langsung dan pemerasan dalam talian sebagai jenayah.

"Malaysia juga menjadi tuan rumah Forum ICT ASEAN Keempat mengenai Perlindungan Kanak-Kanak Dalam Talian.

"Ia satu bidang yang amat penting, dan kami berterima kasih kepada Malaysia kerana mempelopori usaha ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Ayaa Alhadji | malaysiakini

19 mangsa keganasan rumah tangga tiap hari membimbangkan

Diterbitkan: May 6, 2025 1:31 PM • Dikemaskini: 1:36 PM

Wanita MCA menggesa kerajaan melaksanakan reformasi menyeluruh terhadap sistem perlindungan mangsa keganasan rumah tangga, susulan dakwaan kelemahan pelaksanaan undang-undang serta kegagalan polis menangani isu itu secara berkesan.

Pengerusinya, Wong You Fong berkata walaupun Akta Keganasan Rumah Tangga dipinda pada 2017 bagi memperkenalkan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO), pelaksanaannya didakwa masih lemah dan tidak konsisten di lapangan.

"Ramai mangsa masih berdepan kerenah birokrasi yang menyulitkan proses mendapatkan perlindungan.

"Lebih membimbangkan, ada laporan bahawa pihak polis menolak aduan mangsa dengan alasan ia adalah 'hal peribadi keluarga,'" katanya dalam kenyataan media.

Wong menegaskan, sikap sedemikian bukan sahaja menafikan hak mangsa untuk dilindungi, malah memperlihatkan kegagalan sistem yang seharusnya menjaga keselamatan rakyat.

New Straits Times pada 2 Mei lalu melaporkan, setiap hari seramai 19 individu di Malaysia menjadi mangsa penderaan oleh pasangan mereka setiap hari.

Pada tahun lalu, sebanyak 7,116 kes keganasan rumah tangga dilaporkan kepada pihak polis, meningkat sebanyak 2,822 kes atau 65 peratus berbanding 4,294 kes yang dicatatkan pada tahun 2023.

Penolong Pengarah Kanan Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Siti Kamsiah Hassan menjelaskan bahawa kes-kes penderaan terhadap wanita ini melibatkan pelaku seperti teman lelaki, kekasih, suami dan bekas suami.

Wong berkata purata 19 orang menjadi mangsa setiap hari amat membimbangkan.

Katanya, angka sebenar berkemungkinan lebih tinggi, memandangkan ramai mangsa tidak membuat laporan kerana takut, bergantung secara kewangan kepada pasangan atau terikat dengan stigma budaya.

"Kita tahu ramai wanita memilih untuk membisu kerana bimbang keselamatan diri dan anak-anak, malu, atau percaya bahawa mereka akan dipersalahkan.

"Sistem kita gagal meyakinkan mereka bahawa mereka akan selamat dan dibela," katanya.

Wanita MCA turut membangkitkan keperluan untuk melatih pegawai polis dan kakitangan barisan hadapan dengan modul kesedaran gender serta empati terhadap mangsa, bagi mengelakkan insiden penolakan laporan berulang.

Pergerakan itu juga mencadangkan beberapa langkah segera termasuk mempermudah prosedur pelaporan dan permohonan perlindungan, menambah jumlah rumah perlindungan dan bantuan guaman, memperkenalkan program pemulihan untuk pelaku serta meningkatkan kempen kesedaran bagi menghapuskan stigma terhadap mangsa.

Wong turut menyeru agar kerajaan mempercepatkan usaha menunaikan janji-janji bawah Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (Cedaw), yang diratifikasi Malaysia sejak 30 tahun lalu.

"Undang-undang sahaja tidak mencukupi. Kita perlukan komitmen menyeluruh dari semua pihak – kerajaan, penguatkuasa, dan masyarakat – untuk benar-benar melindungi wanita.

"Sudah tiba masanya keganasan rumah tangga dilihat bukan sebagai isu peribadi, tetapi sebagai masalah keselamatan awam dan pelanggaran hak asasi manusia. Setiap wanita berhak hidup tanpa ketakutan," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Penantian 5 tahun berakhir, remaja OKU akhirnya terima MyKad

Paya Linda Yahya
am@hmetro.com.my



Gua Musang: Penantian lebih lima tahun remaja orang kurang upaya (OKU) untuk mendapatkan kad pengenalan berakhir apabila Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menghantar sendiri dokumen pengenalan diri itu di rumahnya di Taman Agropolitan Rantau Manis di sini, semalam.

Muhammad Arif Farhan Mohd Zulkifly, 17, berdepan kesukaran untuk memperoleh MyKad kerana kerap diserang sawan akibat demam panas sejak berusia tujuh tahun.

Ia menyebabkan ibunya, Nor Hayati Mat Nor, 43, tidak dapat membawa remaja itu ke pejabat JPN daerah untuk membuat kad pengenalan.

"Pernah beberapa kali kami cuba membawa Muhammad Arif Farhan untuk membuat kad pengenalan, namun terkena sawan ketika dalam perjalanan, jadi kami terpaksa patah balik.

"Alhamdulillah... dengan bantuan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Nenggiri kami berjaya melengkapkan dokumen yang diperlukan pada Ramadan lalu kami," katanya.

Terdahulu keluarga itu menerima kunjungan Adun Nenggiri, Mohd Azmawi Fikri Abdul Ghani dan JPN daerah Gua Musang bagi penyerahan Mykad Muhammad Arif Farhan.

Nor Hayati berkata, pemberian MyKad itu sekali gus memudahkan urusan untuk memohon bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan membuka akaun bank anak.

Terdahulu keluarga itu menerima kunjungan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Nenggiri, Mohd Azmawi Fikri Abdul Ghani dan pihak JPN daerah Gua Musang bagi penyerahan Mykad Muhammad Arif Farhan di Taman Agropolitan Rantau Manis, di sini.

Sementara itu, Mohd Azmawi berkata, kesukaran keluarga berkenaan untuk mendapatkan MyKad dikesan hasil lawatannya ke rumah keluarga berkenaan Ramadan lalu.

Katanya, keluarga berkenaan berjaya melengkapkan dokumen dan menyerahkan kepada pihak JPN.

"Muhammad Arif Farhan tercicir pendaftaran MyKad kerana dia sukar untuk diuruskan apabila sering diserang sawan.

"Saya mendapat maklumat banyak lagi kes tercicir pendaftaran MyKad di DUN Nenggiri, insya-Allah kita akan santuni dan selesaikan dengan kerjasama pihak JPN," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



'Kami tak mampu beli kaki palsu ayah'

Oleh MOHD AZLI ADLAN 6 Mei 2025, 8:40 am



FARAH AIDA bersama bapa dan adiknya, Muhammad Faruq (tengah) ketika ditemui di rumahnya di Kampung Bari Kecil, Setiu semalam.

SETIU – Seorang suri rumah memohon bantuan kaki palsu untuk bapanya kerana alat sokongan lama tidak boleh digunakan lagi kerana terlalu uzur.

Farah Aida Razali, 35, berkata, kaki palsu lama bapanya, Razali Junoh, 67, telah beberapa kali dibaiki dan perlu diganti baharu namun dia tidak mampu untuk membeli alat sokongan tersebut.

"Ketiadaan kaki palsu tersebut menyebabkan ayah yang sukar bernafas dan perlu dibantu untuk bergerak terutama untuk ke tandas.

"Saya tidak mampu membeli kaki palsu baharu berharga RM4,700 kerana hanya bergantung kepada pendapatan suami yang bekerja sebagai anggota sukarelawan Pasukan Simpanan Tentera Laut Diraja Malaysia," katanya semalam.

Menurutnya, bapanya yang menderita penyakit paru-paru kronik kini bergantung kepada bantuan mesin oksigen.

"Mesin itu kami sewa sebanyak RM300 sebulan. Ayah kudung kaki kiri sejak 15 tahun lalu.

"Kakinya terpaksa dipotong hingga paras lutut akibat dipatuk seekor ular tedung di kawasan kebun kami pada tahun 2010," ujarnya.

Farah Aida berkata, selain bapa, dia turut menjaga ibunya, Yahni Mohd. Noor, 66, yang menghidap penyakit jantung, manakala adiknya, Muhammad Faruq pula merupakan orang kurang upaya (OKU) sindrom down yang menderita gout kronik.

"Ayah dan adik menerima bantuan keseluruhan RM500 sebulan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), namun tidak mencukupi untuk membiayai kos perubatan mereka," katanya.

Orang ramai yang bersimpati boleh menghulurkan sumbangan menerusi akaun bank Razali bernombor **1140041000016355 (Bank Simpanan Nasional)** atau menghubungi Farah Aida di talian **019-906 64674**.


LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Murid maut tertinggal dalam van sekolah, pemandu didakwa esok

06 Mei 2025, 5:23pm



ISKANDAR PUTERI: Pemandu van sekolah yang disyaki cuai meninggalkan seorang kanak-kanak lelaki berusia lima tahun dalam kenderaan itu hingga mengakibatkan kematian mangsa dalam kejadian di Taman Bukit Indah pada 30 April lalu, akan didakwa di Mahkamah Sesyen Batu Pahat, esok.

Ketua Polis Daerah Iskandar Puteri, Asisten Komisioner M. Kumarasan berkata, suspek warga tempatan berusia 56 tahun itu akan dituduh mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

“Sebelum ini, polis menahan pemandu van sekolah berkenaan dan direman selama seminggu bermula 1 Mei hingga esok.

“Pendakwaan terhadap suspek akan dijalankan di Mahkamah Sesyen Batu Pahat, Johor esok,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Dalam kejadian jam 12 tengah hari, 30 April lalu, mangsa, Yu Zie, 5, ditemui tidak sedarkan diri dalam van yang dinaikinya selepas terperangkap hampir lima jam dalam kenderaan berkenaan.

Mangsa disahkan meninggal dunia di sebuah hospital swasta sebelum dirujuk ke Hospital Sultanah Aminah (HSA) untuk bedah siasat.

Kanak-kanak itu dipercayai tertinggal selepas pemandu van menurunkan kanak-kanak lain di hadapan tadika pada pukul 7.30 pagi.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bayi 2 bulan parah disyaki didera ibu dan bapa kandung

Oleh DIYANATUL ATIQA ZAKARYA 6 Mei 2025, 11:14 pm



ALOR GAJAH – Seorang bayi lelaki berusia dua bulan mengalami pendarahan dalam kepala, luka, luka dan lebam disyaki akibat didera ibu dan bapa kandungnya di Sungai Petai, di sini, semalam.

Menurut sumber, kejadian terbongkar selepas mangsa dibawa ke Hospital Alor Gajah dalam keadaan tidak sedarkan diri oleh ibunya yang berusia 22 tahun.

“Wanita terbabit mendakwa bayinya diserang sawan sebelum meninggalkan mangsa di hospital sejak pukul 1 pagi tanpa sebarang pemantauan.

“Mangsa kemudian dirujuk ke Hospital Melaka dan pemeriksaan dilakukan mendapati bayi berkenaan mengalami pendarahan lama dan baru di dalam kepala, selain kesan lebam serta luka-luka di badan dan leher,” katanya.

Jelasnya, mangsa kini sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi Kanak-Kanak (PICU) Hospital Melaka.

Mengulas lanjut sumber memberitahu, susulan kesan kecederaan itu, satu laporan polis telah dibuat oleh pihak hospital kerana mengesyaki mangsa telah didera.

“Ibu dan bapa bayi berkenaan juga berusia 22 tahun kemudian ditahan pada pukul 6.30 petang tadi dan permohonan reman akan dibuat di Mahkamah Majistret Alor Gajah esok bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001,”ujarnya.

Sementara itu Ketua Polis Melaka, Datuk Dzulkhairi Mukhtar ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan berhubung kes dan penahanan pasangan suami isteri terbabit. – KOSMO! ONLINE.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki mahu ke masjid terkejut jumpa bayi bertali pusat

🕒 06 Mei 2025, 7:30pm



Bayi lelaki yang masih bertali pusat ditemui ditinggalkan dalam keadaan berbalut kain batik di sebuah rumah di Felda Redong, Segamat Sabtu lalu.

SEGAMAT: Hasrat seorang lelaki untuk menunaikan solat Maghrib di masjid bertukar menjadi detik tidak diduga apabila dia menemui seorang bayi lelaki yang ditinggalkan di hadapan rumahnya di Felda Redong, di sini, Sabtu lalu.

Ketua Polis Daerah Segamat, Superintendan Ahmad Zamry Marinsah berkata, bayi yang dipercayai baru dilahirkan itu dibalut dengan kain batik yang kotor dan ditemui kira-kira jam 7.45 malam oleh lelaki warga tempatan berusia lingkungan 60-an.

"Lelaki itu terdengar tangisan bayi ketika bersiap untuk ke masjid. Apabila keluar dari rumah, dia menemui bayi lelaki terbabit, sebelum membersihkannya dan membawanya masuk ke dalam rumah.

"Dia kemudian menghubungi anak perempuannya bagi memaklumkan kejadian itu, sebelum laporan polis dibuat," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Katanya, siasatan awal mendapati bayi terbabit cukup sifat dan dipercayai baru dilahirkan kira-kira empat jam sebelum ditemui, berdasarkan keadaan tali pusat dan kesan darah yang masih ada.

Bagaimanapun, tiada sebarang nota atau petunjuk lain ditemui di lokasi kejadian.

Bayi berkenaan kini berada di bawah pengawasan pihak Hospital Segamat untuk pemeriksaan lanjut.

Kertas siasatan telah dibuka mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksan kerana membuang bayi.

"Polis memohon kerjasama orang awam yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan untuk tampil membantu siasatan," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Berebut tempat minta sedekah, lelaki OKU didakwa membunuh

Norzamira Che Noh
am@hmetro.com.my



Shah Alam: Lelaki orang kurang upaya (OKU) lembam didakwa membunuh seorang peminta sedekah dalam satu prosiding tertutup di Hospital Shah Alam, hari ini.

Tertuduh, Mohamad Fauzan Adib Abd Aziz, 28, hanya mengganggu faham selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Penolong Pendaftar Mahkamah Shah Alam, Mislia Mohd Aris.

Bagaimanapun, tiada pengakuan direkodkan berikutan kes bunuh di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Mohd Iqbal Ibrahim berkata, prosiding itu dijalankan secara tertutup di wad pemerhatian HSA pada 10.22 pagi tadi, disebabkan tertuduh masih menerima rawatan akibat penyakit sawan dialaminya.

"Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman mati atau penjara tidak kurang 30 tahun dan tidak lebih 40 tahun jika disabitkan bersalah.

"Pendakwaan diwakili Timbalan Pendakwa Raya Alia Anisa Khairus Masnan dan sebutan semula kes ditetapkan pada 9 Jun depan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Media sebelum ini melaporkan angkara berebut tempat meminta sedekah, [seorang lelaki tergamak menikam peminta sedekah](#) lain hingga mati di hadapan bank di Seksyen 18 di sini, pada 24 April lalu.

Pertelingkahan antara dua peminta sedekah itu dipercayai berlaku sehari sebelum kejadian dan berlarutan sehingga membawa kepada pertumpahan darah.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pesawah mengaku bersalah cabul anak perempuan

🕒 Mei 6, 2025, Selasa - 4:55pm



Tertuduh (dua kiri) diiring polis semasa berada di lobi Kompleks Mahkamah Kuching hari ini.

KUCHING: Seorang pesawah mengaku bersalah apabila didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas tuduhan melakukan kesalahan seksual terhadap anak perempuannya yang berusia enam tahun, menggunakan jarinya.

Lelaki berusia 34 tahun terbabit membuat pengakuan itu sebaik didakwa mengikut Seksyen 377CA Kanun Keseksan yang membawa hukuman penjara tidak kurang lima tahun dan tidak melebihi 30 tahun dan boleh disebat, jika sabit kesalahan.

Sebaik pengakuan bersalah direkodkan, Hakim Iris Awen Jon menetapkan kes disebut semula pada 13 Mei 2025 bagi memberi laluan kepada pihak pendakwaan untuk mengemukakan eksibit.

Iris juga mengarahkan tertuduh untuk direman lanjut sementara menunggu tarikh tersebut.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan kesalahan seksual dengan memasukkan jari ke dalam faraj dan dubur anak perempuannya dalam satu kejadian pada April 2025, di sebuah rumah di Tebedu.

Difahamkan, pengadu iaitu ibu mangsa (isteri tertuduh) mendapati mangsa berada dalam keadaan mencurigakan pada hari kejadian dan selepas melakukan pemeriksaan, pengadu mendapati terdapat kesan kemerahan pada kemaluan mangsa.

Susulan itu, pengadu mengesyaki mangsa telah dicabul dan seterusnya membuat laporan polis, selain membawa mangsa ke hospital berdekatan untuk pemeriksaan.

Dalam pada itu, difahamkan tertuduh juga bakal didakwa di Mahkamah Majistret Serian di bawah Seksyen 292 Kanun Keseksan kerana memiliki bahan lucah di dalam telefon bimbitnya.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Mohamad Aiman Mutallib Mohamad Shariff sementara tertuduh tidak diwakili peguam.